

Belum ada ganjaran

hanya gantung, bukan hentikan misi pencarian bangkai MH370

BAGAN DATUK - Tiada sebarang keputusan dibuat kerajaan dalam cadangan memberi ganjaran kepada mana-mana pihak yang menemui bangkai pesawat MH370 yang hilang.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, walaupun menerima cadangan daripada pelbagai pihak, kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan belum buat sebarang keputusan selagi tidak menemui penemuan dan bukti kukuh.

"Saya tegaskan, kita tidak akan buat sebarang keputusan selagi tiada bukti nyata boleh ditetapkan" katanya selepas merasmikan akaun rasmi Aplikasi WeChatMy Perak di Hutan Melintang.

Tiong Lai menjawab pertanyaan pemberita selepas Tunbalan Menterinya, Datuk Abdul Aziz Kaprawi mengemukakan cadangan ganjaran kepada pihak yang menemui bangkai pesawat malang berkenaan yang dilaporkan hilang dari radar, ketika penerbangan ke Beijing dari Kuala Lumpur pada 8 Mac 2014.

Ditanya mengenai penggantungan pencarian pesawat berkenaan, jelas Tiong Lai, meski pun usaha pencarian selama dua tahun setengah itu digantung ia tidak bermakna Kerajaan Malaysia menghentikan terus misi pencarian.

"Kita masih meneruskan dengan melihat bukti dan perincian dan akan sentiasa memberi jawapan berterusan kepada keluarga mangsa dalam menyelesaikan misteri ini," katanya. Menurutnya, kapal terlibat misi pencarian sebelum ini dijangka tiba di pelabuhan Perth, Australia, Ahad ini.

"Saya bersama Menteri Pengangkutan Australia (Darren Chester) akan berada di sana. "Kita akan melihat data pencarian daripada kapal pencari berkenaan dan muh memberikan tanda terima kasih kepada pasukan pencari" katanya.

Terdahulu, tiga negara terlibat misi cari MH370 iaitu Malaysia, China dan Australia keluarkan kenyataan bersama. Selasa lalu, bahawa usaha pencarian dasar laut pesawat itu digantung dengan kapal mencari terakhir dalam operasi itu meninggalkan selatan Lautan Hindi.

SUMBER : SINAR HARIAN | M/S: 8 | 21 JANUARI 2017